



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil atau memohon Kad Debit-i Bank Rakyat. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat umum.		BANK RAKYAT Kad Debit-i Bank Rakyat Tarikh :
1 Apakah itu produk Kad Debit-i Bank Rakyat?		
a) Kad Debit-i Bank Rakyat yang berlandaskan Syariah, ditawarkan oleh Bank Rakyat kepada setiap pelanggan yang mempunyai Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Individu di Bank Rakyat. Ia menggabungkan dua platform pembayaran di bawah rangkaian <i>MasterCard</i> (yang diterima di dalam dan luar Negara) serta <i>MyDebit</i> (yang diterima hanya di Malaysia sahaja). b) Kad Debit-i Bank Rakyat ini merupakan satu instrumen pembayaran yang membolehkan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan Patuh Syariah di semua premis saudagar yang menerima urusniaga <i>MasterCard</i> dan <i>MyDebit</i> dan juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai menerusi Mesin Teler Automatik (ATM) dan di kaunter Bank yang menyertai <i>MasterCard</i> dan MEPS (<i>Malaysia Electronic Payment System</i>). c) Kad Debit-i Bank Rakyat ini mempunyai ciri Pembayaran Tanpa Sentuh (<i>Contactless</i>) di mana anda hanya perlu menyentuh kad anda pada terminal tanpa sentuh di mana sahaja terminal yang mempunyai logo <i>MasterCard Paypass</i> atau <i>MyDebit</i> di seluruh negara/dunia. d) Permohonan bagi mendapatkan Kad Debit-i Bank Rakyat ini boleh dibuat terus di cawangan-cawangan Bank Rakyat di seluruh negara yang berhampiran dengan tempat anda. e) Sekiranya anda menutup Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Individu Bank Rakyat, Kad Debit-i Bank Rakyat anda akan terbatal secara automatik.		
2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?		
a) Konsep Syariah yang digunakan adalah Konsep Ijarah Khadamat. b) Bank Rakyat akan menerima Ujrah/upah sebagai imbalan ke atas penyediaan kemudahan pembayaran di premis saudagar dan kemudahan pengeluaran wang tunai di mesin ATM.		
3 Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?		
Bil	Jenis Perkhidmatan	Yuran dan Caj
1	Baki Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i semasa permohonan kad	Minima baki Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i adalah tertakluk kepada syarat deposit minima untuk pembukaan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i (e-CAi).
2	Yuran Permohonan	RM8.00
3	Yuran Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Kad Debit-i Bank Rakyat dan Co-Brand Kad Debit-i /Kad Edisi Khas : <ul style="list-style-type: none"> a) PERCUMA untuk Tahun Pertama b) RM8.00 untuk tahun kedua dan seterusnya, sepanjang tempoh sah kad (yuran akan dikenakan pada setiap tarikh ulang tahun kad tersebut). • Kad Debit-i Diskaun Siswa 1Malaysia (Kad S1M Debit-i) : <ul style="list-style-type: none"> a) PERCUMA untuk Tahun Pertama b) RM5.00 untuk tahun kedua dan seterusnya, sepanjang tempoh sah kad (yuran akan dikenakan pada setiap tarikh ulang tahun kad tersebut).
4	Yuran Keahlian	RM0.00
5	Pengeluaran Tunai di :	
	- ATM Bank Rakyat	RM0.00
	- ATM Bank lain (<i>Not-On-Us</i> : Domestik) – via MEPs	RM1.00
	- LIFB (<i>Local Incorporated Foreign Bank</i>)	RM4.00
	- MEPs Serantau	RM12.00
- ATM dan Kaunter Bank lain (di luar Malaysia) - (<i>Not-On-Us : International</i>) melalui rangkaian MasterCard	RM12.00	



6	Penggantian Kad	a) Kehilangan/Kecurian - RM12.00 b) Kerosakan kad/cip – Percuma
7	Salinan deraf jualan (pembelian MasterCard)	a) RM5 untuk setiap salinan deraf jualan yang diminta. b) RM15 untuk setiap salinan asal deraf jualan yang diminta.
8	Salinan penyata akaun melalui ATM Bank Rakyat (<i>On-Us</i>)	RM0.00
9	Pertanyaan baki di ATM Bank Lain - via MEPS - via rangkaian MasterCard	RM0.00 RM1.00
10	Pemindahan IBG	RM0.10
11	Pemindahan IBFT	a) Kurang atau sehingga RM5,000 - Tiada caj b) Melebihi RM5,000 - RM0.50 per transaksi
12	Pembayaran Bil	Tertakluk kepada agensi yang terlibat (<i>billers</i>)
13	Pembelian MyDebit	RM0.00
14	Tabung Haji:	
	Deposit Tunai (CDM)	RM1.00
	Pengeluaran Tunai (ATM)	RM1.00
	Pertanyaan Baki	RM0.00
	Pendaftaran Haji (ATM)	RM0.00
	Pindahan Dana (ATM)	RM1.00
15	Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) :	
	Deposit Tunai (CDM)	RM0.50
	Pengeluaran Tunai (ATM)	RM0.50
	Pertanyaan Baki	RM0.00
	Pindahan Dana (ATM)	RM0.50
16	Tambah nilai prabayar mudah alih	RM0.00

Nota: Yuran dan caj yang dikenakan ke atas Kad Debit-i Bank Rakyat boleh dipinda pada bila-bila masa tertakluk kepada pengeluaran notis kepada pemegang kad sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pelaksanaan dengan menggunakan saluran-saluran komunikasi yang dianggap sesuai.

4 Berapakah kadar minima bagi urusaniaga luar Negara?

Pertukaran urusaniaga luar negara (% daripada jumlah penggunaan)	<p><i>Earmark</i> sebanyak 1.25% daripada amaun transaksi (untuk kedua-dua transaksi pembelian runcit dan pengeluaran tunai) adalah dibenarkan di dalam operasi kad debit.</p> <p>Nota :</p> <p>i) Pihak Bank mengambilkira kadar <i>earmark</i> ini hanya bagi menampung turun naik kadar matawang semasa dan bagi mengelakkan sebarang kekurangan hasil pertukaran matawang asing pada hari pembilan.</p> <p>ii) Semasa pemprosesan <i>settlement</i> transaksi luar negara tersebut, jumlah <i>earmark</i> ini akan dikembalikan dan amaun sebenar transaksi berdasarkan kadar pertukaran asing yang sebenar semasa pemprosesan <i>settlement</i> akan didebitkan daripada Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i pemegang kad.</p>
--	--

5 Apakah terma dan syarat utama?

- a) Had maksima transaksi kad adalah sehingga RM10,000 sehari. Walau bagaimanapun, untuk tujuan keselamatan, Bank telah menetapkan had transaksi kad kepada RM3,000 sehari. Anda boleh mengubah had transaksi kad di mana-mana ATM Bank Rakyat di seluruh negara.
- b) Caj pra-guna ketika menggunakan Kad Debit-i Bank Rakyat :
- Amaun pra-guna adalah amaun transaksi atau satu jumlah yang ditetapkan oleh pihak saudagar. Amaun pra-guna tersebut akan dikembalikan setelah pemprosesan *settlement* diterima daripada pihak saudagar dan hanya amaun sebenar transaksi akan didebitkan daripada Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i anda.



	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi transaksi petrol, amaun pra-guna sebanyak RM200 akan dicajkan ke dalam akaun Kad Debit-i Bank Rakyat anda untuk pembelian di pam luar stesen. Jumlah ini akan dikembalikan dan hanya jumlah isian petrol sebenar akan dicaj dalam tempoh 3 hari bekerja, selepas hari transaksi. Untuk mengelakkan pegangan amaun pra-guna, anda boleh membuat bayaran dengan menggunakan Kad Debit-i Bank Rakyat di kaunter juruwang di stesen petrol yang terlibat. • Bagi transaksi di hotel dan hospital, amaun pra-guna akan dicaj semasa mendaftar masuk (bergantung kepada tempoh menetap) dan amaun sebenar akan diselaraskan setelah penyelesaian dibuat oleh pihak saudagar. <p>c) Transaksi Tanpa Sentuh (Contactless) : Had Transaksi Tanpa Sentuh yang tidak memerlukan PIN adalah TIDAK MELEBIHI jumlah RM250. Bagi transaksi yang melebihi RM250, Nombor PIN perlu dimasukkan. Anda boleh mengaktifkan, menyahaktifkan dan menentukan had kumulatif transaksi harian bagi penggunaan transaksi pembayaran tanpa sentuh anda, tertakluk kepada terma dan syarat dengan mengunjungi mana-mana mesin ATM Bank Rakyat.</p>
6	Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?
	<p>a) Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • melakukan penipuan • gagal untuk melaporkan dengan segera kepada Pusat Kad Bank Rakyat sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian Kad Debit-i tersebut. • secara sukarela mendedahkan nombor PIN anda kepada orang lain; atau • merekod nombor PIN di atas Kad Debit-i anda, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit-i anda. <p>b) Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad <i>contactless</i>, jika anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • melakukan penipuan • gagal untuk melaporkan dengan segera kepada Pusat Kad Bank Rakyat sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian Kad Debit-i tersebut. • meninggalkan Kad Debit-i anda atau item-item yang mengandungi Kad Debit-i anda tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain. • secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit-i anda. <p>c) Kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan langkah-langkah munasabah untuk menjaga Kad Debit-i Bank Rakyat akan mengakibatkan Kad Debit-i Bank Rakyat tersebut dicuri dan/atau digunakan tanpa kebenaran.</p> <p>d) Sila rujuk Terma dan Syarat Kad Debit-i di bawah klausa 9.0 berkenaan liabiliti pemegang kad yang boleh didapati di laman sesawang korporat Bank www.bankrakyat.com.my ATAU www.irakyat.com.my</p>
7	Apakah risiko-risiko utama?
	<p>a) Sebagai pemegang kad, anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i anda di Bank Rakyat mempunyai wang yang mencukupi sebelum melakukan sebarang transaksi menggunakan Kad Debit-i Bank Rakyat ini.</p> <p>b) Sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kehilangan/kecurian Kad Debit-i Bank Rakyat atau pendedahan Nombor Pengenal Peribadi (PIN) kepada sesiapa sahaja.</p> <p>c) Sekiranya Kad Debit-i Bank Rakyat anda hilang/dicuri, maklumkan kepada pihak Bank dengan SEGERA di talian 1300-80-5454 sebaik sahaja anda menyedari bahawa Kad Debit-i Bank Rakyat anda telah hilang/dicuri dan disusuli dengan pengesahan bertulis, berserta laporan polis bagi memudahkan proses siasatan di pihak Bank.</p> <p>Nota : Kadar segera bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran dimaklumkan kepada bank dalam tempoh DUA (2) jam dari masa kejadian.</p> <p>d) Anda juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta merta apabila menerima pemberitahuan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), jika transaksi yang berlaku dengan menggunakan Kad anda adalah tidak sah.</p> <p>e) Untuk tujuan keselamatan, bagi penggunaan di luar negara, anda perlu memaklumkan kepada Bank lebih awal dari tarikh perjalanan.</p> <p>f) Jika anda gagal mematuhi Terma & Syarat Kad Debit-i, kami berhak menamatkan kad anda.</p>



8	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat saya?
	<p>a) Anda hendaklah menghubungi pihak Bank di nombor 1300-80-5454 dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat dan nombor telefon atau maklumat-maklumat lain bagi memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none">i) urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.ii) sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dihantar bagi tujuan pengesahan transaksi penggunaan internet.iii) sistem SMS dihantar kepada anda ketika melakukan transaksi <i>online</i> atau internet yang memerlukan penggunaan <i>One Time Password</i> (OTP). <p>Nota : <i>One Time Password</i> (OTP) adalah ciri keselamatan tambahan yang lebih selesa dan selamat untuk melindungi pemegang Kad Debit-i Bank Rakyat, ketika melaksanakan transaksi pembelian <i>online</i> atau internet dari laman sesawang saudagar yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan 3D <i>Secure</i>.</p>
9	Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut tentang produk Kad Debit-i Bank Rakyat ini?
	<p>a) Untuk maklumat lanjut mengenai produk Kad Debit-i Bank Rakyat, sila rujuk risalah produk ini atau layari laman sesawang kami iaitu www.bankrakyat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berhampiran dengan tempat anda.</p> <p>b) Sebarang cadangan dan pertanyaan anda, boleh disalurkan kepada kami melalui saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa : +603-5526 9000<ul style="list-style-type: none">➢ Isnin hingga Ahad : 24 jam7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad➢ E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my <p>c) Sebarang aduan boleh dilaporkan kepada :</p> <ul style="list-style-type: none">• Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa : +603-5526 9000<ul style="list-style-type: none">➢ Isnin hingga Ahad : 24 jam7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad➢ E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my <p>atau,</p> <p>menghantar aduan ke : Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Tingkat 9 Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur atau e-mel ke aduan@bankrakyat.com.my</p> <p>atau,</p> <p>hubungi Bank Negara Malaysia : Blok D, Bank Negara Malaysia, LINK atau TELELINK di Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 No. Faks : 03-2174 1515 e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my</p> <p>d) Sewaktu berada di luar negara, sila laporkan kepada mana-mana bank pengeluar <i>MasterCard</i> atau <i>MasterCard Travel International Service Centre</i> bagi mendapatkan bantuan.</p>
10	Lain-lain Kad Debit-i Bank Rakyat:



- Kad Debit-i Diskaun Siswa 1Malaysia (Kad S1M Debit-i)

PERINGATAN PENTING !

- **PRODUK INI TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA SYARIAH PADA 16/12/2013.**
- **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI DAN DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN**